



## IKLAN JAWATAN KOSONG DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah** untuk mengisi kekosongan jawatan di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu seperti berikut:-

<b>5</b>	<b>PEGAWAI PENERANGAN GRED S41</b>
----------	------------------------------------

### 1. MAKLUMAT JAWATAN/PENEMPATAN

- (a) Klasifikasi Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
(b) Taraf Lantikan : **Kontrak**

### 2. SYARAT LANTIKAN

- (a) Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah.  
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

### 3. KELAYAKAN LANTIKAN

Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : S41: RM2,078.00

ATAU : Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : S41: RM2,281.86

Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa dengan kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi

tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : S41: RM2,281.86

Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dengan kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : S41: RM2,281.86

Bidang Kelayakan Akademik : Semua bidang

Syarat Bahasa Melayu : Kejujian di peringkat SPM/SVM

#### **4. BIDANG TUGAS**

Ringkasan tugas : Bertanggungjawab menguruskan sidang akhbar, draf kenyataan akhbar, nota-nota taklimat dan maklumat, pengurusan penerbitan, pameran, laporan tahunan dan bertindak sebagai pegawai perhubungan awam di kementerian/ jabatan

#### **5. CARA MEMOHON**

a. Borang permohonan boleh diperolehi di tempat-tempat berikut:-

- (i) Bahagian Kaunter Pembayaran, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat DBKK
- (ii) Bahagian Kaunter Pembayaran, Pejabat DBKK, Tingkat 7, Bangunan Centre Point Sabah.

b. Semua permohonan daripada pegawai-pegawai kerajaan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan Laporan Penilaian Prestasi pada tahun semasa.

c. Borang permohonan yang telah dilengkapi beserta dengan salinan sah Sijil Lahir, Kad Pengenalan, Kelulusan Kelayakan Akademik dan Gambar Berukuran Pasport hendaklah dikemukakan kepada:-

**PENGARAH  
JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA  
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU  
NO. 1, JALAN BANDARAN  
88675 KOTA KINABALU, SABAH**

Atau serahan tangan ke:-

**JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA  
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU  
TINGKAT 7, BANGUNAN CENTRE POINT SABAH**

tidak lewat dari tarikh **16 JUN 2023.**

**CATATAN AM**

- a. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan terpilih selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- b. Bagi kakitangan kerajaan, semua permohonan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing. Permohonan yang tidak melalui Ketua Jabatan akan ditolak. Namun sekiranya Ketua Jabatan pemohon tidak berada dalam pejabat dalam tempoh iklan ini kerana berkursus, bercuti dan sebagainya, maka surat permohonan tersebut hendaklah melalui pegawai kanan yang berikutnya di jabatan berkenaan.
- c. Perbelanjaan untuk menghadiri temuduga bagi jawatan ini (sekiranya terpilih) adalah atas tanggungan pemohon.
- d. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas satu (1) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- e. Pemohon-pemohon **tidak boleh** meminta sokongan daripada mana-mana pihak yang tidak berkaitan berhubung permohonan jawatan ini. Sesiapa yang mendapatkan sokongan secara bertulis atau lisan daripada mana-mana pihak yang tidak berkaitan boleh menyebabkan permohonan mereka tidak diberikan pertimbangan. Surat sokongan hanya boleh diberikan oleh Ketua Jabatan/Bahagian dimana pemohon-pemohon tersebut ditempatkan.
- f. Sebarang keputusan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu berhubung pengisian jawatan ini adalah muktamad.
- g. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung dengan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia di talian **088-244000 ext. 620/628.**